

20 SEP 2002

BELANJAWAN-PROSPEK

K'JAJAN AKAN TERUS KEKALKAN DASAR KEWANGAN YANG AKOMODATIF

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Kerajaan akan terus mengekalkan dasar kewangan yang akomodatif bagi mengukuhkan lagi kegiatan ekonomi dalam negeri, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Dalam suasana inflasi yang terkawal, kita mempunyai fleksibiliti bagi mengekalkan kadar faedah yang rendah untuk menggalakkan peningkatan pinjaman bank untuk pertumbuhan ekonomi," katanya ketika membentangkan Belanjawan 2003 di Dewan Rakyat di sini.

Katanya, dasar itu akan diteruskan dan kerajaan sentiasa mempunyai fleksibiliti untuk menguruskan dasar makro-ekonomi negara walaupun dalam keadaan persekitaran luar yang kurang menggalakkan.

"Asas ekonomi akan bertambah kukuh. Rizab antaraangsa negara semakin meningkat melebihi RM130 bilion pada akhir Ogos 2002. Jumlah rizab ini melebihi 5.1 kali hutang luar jangka pendek dan mampu membiayai 5.6 bulan import tertangguh."

"Imbangan perdagangan luar masih mencatat lebihan untuk 57 bulan berturut-turut sejak November 1997. Kadar tabungan kasar negara masih kekal tinggi lebih kurang 33 peratus daripada KDNK," katanya.

Dr Mahathir juga berkata sistem perbankan negara teguh dengan nisbah modal berwajaran risiko berada pada 13.1 peratus, melebihi paras 8 peratus piawaian antarabangsa.

Hutang luar jangka pendek negara berada di paras rendah, iaitu sebanyak 7.6 peratus daripada KDNK sementara nisbah khidmat hutang juga kekal rendah pada 5.8 peratus, katanya.

Selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang kukuh, kuasa beli rakyat juga dijangka lebih tinggi dengan pendapatan per kapita bertambah 5.5 peratus kepada RM14,100 berbanding RM13,400 pada tahun 2002.

Pendapatan daripada segi pariti kuasa beli meningkat 5.4 peratus kepada AS\$8,800 berbanding AS\$8,400 pada tahun 2002.

Kadar pengangguran terus berkurangan kepada 3.4 peratus iaitu masih berada di bawah paras guna tenaga penuh.

Perdana Menteri berkata kadar itu mengambil kira sejumlah hampir 700,000 pekerja asing yang bekerja di negara ini.

"Kadar kemiskinan pula berjaya diturunkan daripada 8.7 peratus pada tahun 1995 kepada 6.9 peratus pada tahun 2002."

Dr Mahathir berkata asas ekonomi yang teguh akan menjamin pertumbuhan yang lebih kukuh dapat dicapai dan dikekalkan dalam tempoh jangka masa panjang untuk memastikan ekonomi negara terus mencapai pertumbuhan yang mapan dan tidak dipengaruhi oleh pergolakan persekitaran luar, dasar dan strategi menjana pertumbuhan dalam negeri akan tgerus dimantapkan.

Pada masa ini, katanya sektor pembuatan bukan sahaja penjana utama pertumbuhan iaitu hampir satu pertiga daripada KDNK malahan turut menyumbang hampir 90 peratus kepada eksport negara.

"Sektor-sektor lain perlulah ditingkatkan sumbangan kepada KDNK," tambah beliau.

Sambil melahirkan keyakinan kerajaan bahawa negara akan mencapai pertumbuhan ekonomi yang tinggi pada 2003, Dr Mahathir berkata pertumbuhan KDNK dijangka meningkat antara 6 dan 6.5 peratus.

Pendorong pertumbuhan adalah daripada kegiatan ekonomi dalam negeri selaras dengan strategi Belanjawan yang menekankan kepada pertumbuhan berpunca daripada sumber domestik.

Sektor perkhidmatan dijangka memberi sumbangan terbesar kepada

peningkatan KDNK sementara sektor pembuatan pula dijangka mencatat pertumbuhan tertinggi, katanya.

Daripada segi permintaan, kata Perdana Menteri, perbelanjaan sektor swasta dianggar akan pulih kukuh dengan pelaburan swasta meningkat 16.5 peratus dan penggunaan hampir 10 peratus.

"Sektor awam pula akan terus memainkan peranan sokongan kepada perkembangan sektor swasta. Pelaburan awam dijangka meningkat sedikit pada kadar 2.4 peratus sementara penggunaan awam sebanyak 10.1 peratus," kata beliau.

Dr Mahathir berkata selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengukuhkan kedudukan kewangan kerajaan Persekutuan, defisit keseluruhan dijangka mengecil kepada 3.9 peratus daripada KDNK berbanding 4.7 peratus pada tahun ini.

Kedudukan yang lebih baik ini didorong oleh pertambahan hasil kerajaan yang dijangka meningkat lebih tinggi hampir 8 peratus berbanding 5 peratus pada tahun ini, tambah beliau. -- BERNAMA

MKO OS